

NAMA :
KELAS :

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009
EXCEL 2
SEJARAH
Kertas 1
Sept 2009

1249/1

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruang yang betul di kertas jawapan.*
4. *Hitamkan **satu** ruang sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.*
Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

SULIT

- 1 Rajah 1 menunjukkan pertembungan tamadun awal.



Rajah 1

Apakah kesan pertembungan tersebut kepada tamadun Indus?

- A Pembinaan bandar terancang
 - B Peningkatan teknologi pertanian
 - C Perluasan kawasan pemerintahan
 - D Perkembangan hasil kesusasteraan
- 2 Antara yang berikut, yang manakah sumbangan tamadun Mesir Purba?

- I Kolar kuda
- II Pedati beroda
- III Penciptaan kertas
- IV Tulisan hieroglif

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 3 Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?

- A Raja merupakan ketua kerajaan
- B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
- C Dewan Negara meluluskan belanjawan
- D Dewan Rakyat menentukan ketua negara

SULIT

- 4 Rajah 2 menunjukkan tiga peringkat pendidikan dalam tamadun China.

Peringkat	Pembelajaran
Rendah	Mengenal dan menghafal tulisan ideogram
Menengah	Menulis karangan dan sastera
Tinggi	X

Rajah 2

X ialah

- A menulis buku undang-undang
- B merekod salasilah maharaja
- C menterjemah buku suci
- D menghafal kitab agama

Kerajaan	Zaman
Kedah Tua	Abad ke-5 M. hingga ke-13 M.
Srivijaya	Abad ke-7 M. hingga ke-13 M.

Apakah persamaan antara kedua-dua kerajaan di atas?

- A Perluasan kuasa
 - B Kawasan pertanian yang luas
 - C Pusat pengajian agama Hindu
 - D Ekonomi berdasarkan perdagangan
- 6 Senarai di bawah menunjukkan kepada hasil kesusasteraan di Asia Tenggara

- Nagarakertagama
 - Hikayat Pandawa Lima

Apakah yang dapat disimpulkan berkaitan dengan hasil kesusasteraan tersebut?

- A Diminati para bangsawan
 - B Ditulis golongan pendeta
 - C Dipengaruhi oleh unsur India
 - D Dijadikan dasar perundangan
- 7 Bagaimanakah cara hidup masyarakat Arab Jahiliah?
- A Memencilkan diri
 - B Mengelakkan ancaman musuh
 - C Mengamalkan semangat kesukuan
 - D Mengamalkan kepercayaan politeisme

SULIT

8 Sebagai seorang penganut agama Islam, bagaimanakah anda memenuhi seruan dalam Surah al-Alaq?

- A Menjalankan kajian
- B Menghafal al-Quran
- C Menjauhi amalan kolot
- D Menghasilkan kitab Islam

9 Apakah maksud hijrah dalam konteks Islam?

- I Perubahan sikap dan cara berfikir
- II Perpindahan umat Islam Makkah ke Madinah
- III Penurunan wahyu Allah kepada umat manusia
- IV Perjalanan Islam Makkah ke Habsyah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10

Tahun	Peristiwa
630 M	Orang Arab Quraisy mencabuli Perjanjian Hudaibiyyah

Apakah kesan daripada peristiwa di atas?

- A Pembukaan semula kota Makkah
- B Penghantaran utusan Suhail bin Amru
- C Penangkapan pemimpin Arab Quraisy
- D Pengisytiharan sumpah setia ‘Baiah al-Ridwan’

SULIT

11

Kerajaan Bani Umayyah di Andalusia berjaya memajukan pertaniannya

Antara berikut yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

- I Penggunaan baja kimia
 - II Pembinaan sistem saliran
 - III Penghasilan benih berkualiti
 - IV Perekaan peralatan pertanian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12 Mengapakah Khalifah Uthman bin Affan digelar *Zun Nurain*?

- A Menamatkan ancaman musuh Islam
- B Meluaskan empayar Islam ke Eropah
- C Mengahwini dua puteri Nabi Muhammad s.a.w
- D Mengumpulkan ayat-ayat suci al-Quran

13 Perkahwinan siasah melibatkan

- A keluarga kerabat diraja
- B keluarga pembesar jajahan
- C anak-anak pedagang Islam
- D ulama Islam dengan penduduk tempatan

14 Pernyataan di bawah menggambarkan pendapat sejarawan tempatan.

Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas bersetuju dengan pendapat John Crawford bahawa Islam datang dari Semenanjung Tanah Arab.

Apakah hujah yang dikemukakan oleh tokoh di atas untuk membuktikan pendapatnya?

- A Pembentukan kepelbagai budaya
- B Persamaan bahan kesusasteraan
- C Penemuan batu nisan di Pasai
- D Penggunaan warna pada tingkap masjid Melaka

SULIT

15 Apakah maksud *daulah* dalam Bahasa Arab?

- I Sempadan pemerintah
 - II Kesetiaan rakyat
 - III Kerajaan
 - IV Kuasa
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16 Rajah 3 menggambarkan perkara yang diberikan penekanan dalam sistem pendidikan tidak formal.




Rajah 3

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat terhadap sistem pendidikan tersebut?

- A Mempelajari cara berkawan
 - B Menekankan nilai-nilai moral
 - C Melatih asas kemahiran hidup
 - D Mengajar penguasaan ilmu pengetahuan
-
- 17 Mengapa negara di Timur menjadi sasaran orang Eropah pada abad ke-16?
- A Memasarkan hasil keluaran
 - B Membekalkan tenaga buruh
 - C Mempunyai kekayaan sumber alam
 - D Memajukan masyarakat tempatan

SULIT

18



Merujuk kepada rajah di atas, bagaimanakan kerajaan Britain mengatasi masalah tersebut?

- A Hasil dijadikan stok penimbang
- B Harga pasaran barang dikurangkan
- C Barang diaghikkan kepada masyarakat tempatan
- D Produk diperdagangkan di peringkat antarabangsa

19

Tahun	Nilai (Dalam Paun Sterling)
1930	28 208 000
1931	13 806 000
1932	9 077 000

Berpandukan jadual di atas, mengapakah nilai eksport getah Tanah Melayu mengalami kemerosotan sekitar tahun 1931 – 1932?

- A Kekurangan buruh di ladang
 - B Persaingan dengan pemodal asing
 - C Zaman kemelesetan ekonomi dunia
 - D Wabak penyakit melanda tananam
- 20 Maklumat di bawah menggambarkan kemasukan buruh Cina ke Sarawak.

Pada awal abad ke-20, syarikat Charles Brooke menaja kemasukan buruh Cina berketurunan Foochow secara berkumpulan ke Sarawak.

Apakah tujuan beliau bertindak demikian?

- A Membuka ladang getah
- B Meningkatkan pengeluaran emas
- C Memajukan pertanian gambir
- D Mengusahakan perlombongan antimoni

SULIT

21 Rajah 4 adalah slogan penjajah Barat di Timur.

Slogan	Kuasa
Beban Orang Putih	British
X	Perancis

X ialah

- A Asia tanggungjawab Barat
- B tugas menyebarkan budaya
- C tugas menyebarkan tamadun
- D agama tanggungjawab bersama

Tahun	Perkara
1887	<i>Akta Kampung Ulu Burma</i>
1889	<i>Akta Perkampungan Burma</i>

Apakah implikasi pengenalan akta di atas kepada Burma?

- A Pengaruh golongan agama meningkat
 - B Sistem pendidikan tradisional terhapus
 - C Kedudukan institusi beraja diperkujuh
 - D Pendapatan penduduk tempatan merosot
- 23 Mengapakah penentangan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan terhadap British gagal?
- I Kekurangan ilmu
 - II Tiada senjata moden
 - III Penduduk tempatan tidak bekerjasama
 - IV Tidak mempunyai semangat setia kepada negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Mengapakah Gerakan Islah boleh berkembang di Negeri-Negeri Selat?
- A Tiada tentangan ulama
 - B Banyak sumber kewangan
 - C Ramai pemimpin berkaliber
 - D Tiada sekatan undang-undang

SULIT

25 Mengapakah Naning berjaya mengalahkan British pada tahun 1831?

- A Menggunakan askar upahan
- B Mempunyai tentera yang terlatih
- C Membina kubu pertahanan yang kukuh
- D Mendapat sokongan pembesar

26 Bagaimanakah pengaruh kekuasaan seseorang raja kerajaan Melayu tradisional ditentukan?

- A Kesetiaan rakyat
- B Kegiatan ekonomi
- C Konsep ketuhanan
- D Kekayaan hasil bumi

27	Tarikh	Peristiwa
	08 Februari 1946	Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Mengapakah penyerahan tersebut ditentang oleh pemimpin dan persatuan kaum tempatan Sarawak?

- A Penentangan Majlis Negeri
- B Penipuan terhadap pembesar
- C Penghapusan hak istimewa pribumi
- D Percanggahan dengan Perlembagaan 1941

28	Tahun	Peristiwa
	1946	Pengenalan Malayan Union

Apakah kesan peristiwa di atas terhadap orang Melayu?

- A Perpaduan kukuh
- B Ekonomi meningkat
- C Budaya berkembang
- D Kuasa sultan bertambah

SULIT

29 Apakah tindakan Tunku Abdul Rahman selepas berjaya memenangi pilihan raya umum pada tahun 1955?

- I Membentuk kabinet
 - II Menamatkan darurat
 - III Membentuk Parti Perikatan
 - IV Membuat rundingan kemerdekaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30 Suruhanjaya Reid dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1956 sebagai persediaan kemerdekaan.

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A Mengajurkan rundingan antara kaum
 - B Melantik pegawai pentadbiran baru
 - C Mencadangkan tarikh pilihan raya
 - D Merangka perlembagaan
- 31 Kemenangan Barisan Sosialis dalam pilihan raya Hong Lim pada April 1961 membimbangkan kerajaan pimpinan Lee Kuan Yew.

Mengapa kerajaan Singapura bimbang dengan kemenangan itu?

- A Melambatkan penyertaan dalam Malaysia
- B Memecahbelahkan perpaduan rakyat
- C Menggugat rancangan kemerdekaan
- D Mengukuhkan kedudukan British

32


Unsur taat setia kepada Negara termaktub dalam Perkara 24
Perlembagaan Malaysia

Berdasarkan maklumat di atas, apakah perkara yang membolehkan kerakyatan seseorang dilucutkan?

- A Melanggar undang-undang
- B Bermastautin di negara lain
- C Tidak mentaati Rukun Negara
- D Mempunyai kerakyatan negara lain

SULIT


33



Apakah langkah yang perlu diambil bagi menghadapi cabaran di atas?

- A Kekayaan negara dikongsi
- B Pelaburan asing ditingkatkan
- C Peluang pekerjaan ditambah
- D Budaya cemerlang diamalkan

34



Apakah tujuan penubuhan badan berkanun di atas?

- A Memasarkan hasil pertanian
- B Menggalakkan kegiatan industri desa
- C Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

35


- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Apakah persamaan agensi kerajaan di atas dalam Rancangan Malaysia Pertama?

- A Mempelbagaikan jenis tanaman
- B Menumpukan pembangunan luar bandar
- C Mengawal kemasukan bahan makanan import
- D Melatih bumiputera dalam bidang perindustrian

SULIT


36



Rajah 4

X dalam rajah 4 merujuk kepada

- A Jawatankuasa Kabinet
 B Majlis Gerakan Negara
 C Majlis Angkatan Tentera
 D Jawatankuasa Antara Kerajaan
- 37 Mengapakah Malaysia menjalin hubungan rapat dengan Amerika Syarikat dan Britain?
- A Memperoleh bahan mentah
 B Memerlukan pasaran modal
 C Meningkatkan teknologi pertanian
 D Mendapatkan bantuan ketenteraan
- 38 Rajah 5 merujuk kepada perikatan negara Eropah yang wujud pada akhir abad ke-19



Rajah 5

Apakah implikasi pembentukan pakatan tersebut?

- A Perebutan bahan mentah
 B Peningkatan ekonomi dunia
 C Permulaan persaingan kuasa
 D Pembentukan perpaduan sejagat

SULIT

39

- Britain
- Australia
- New Zealand

Apakah tujuan Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan dengan negara di atas?

- A Membeli peralatan perang
B Menjamin keselamatan negara
C Memulihkan hubungan diplomatik
D Meningkatkan kemasukan pelabur asing
- 40 Mengapakah Rancangan Colombo penting kepada negara anggota Komanwel?
- A Membiasai pengajian pelajar
B Memajukan sektor pertanian
C Menggalakkan aktiviti pelancongan
D Menyediakan kemudahan perubatan

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT**SKEMA KERTAS 1 SEJARAH (EXCELL 2) SPM 2009**

NO SOALAN	JAWAPAN	BAB / MUKA SURAT	TINGKATAN
1	A	B1/27	T4
2	D	B1/21-22	T4
3	B	B2/63	T4
4	C	B2/55	T4
5	D	B3/75	T4
6	C	B3/93-94	T4
7	C	B3/101	T4
8	A	B4/54	T4
9	A	B5/119-120	T4
10	A	B5/132	T4
11	C	B6/154	T4
12	C	B6/147	T4
13	A	B7/180	T4
14	B	B7/176	T4
15	D	B8/198	T4
16	B	B8/201	T4
17	C	B9/223	T4
18	D	B9/231	T4
19	D	B10/250	T4
20	C	B10/254	T4
21	C	B1/7	T5
22	B	B1/11	T5
23	A	B2/44	T5
24	D	B2/50	T5
25	D	B3/32	T5
26	A	B3/65	T5
27	D	B3/65	T5
28	A	B4/110	T5
29	B	B4/102	T5
30	D	B5/123	T5
31	C	B5/123	T5
32	D	B7/164	T5
33	A	B8/220	T5
34	D	B8/198	T5
35	B	B8/200	T5
36	B	B8/210	T5
37	B	B9/239	T5
38	C	B9/230	T5
39	B	B9/236	T5
40	A	B9/244	T5

TABURAN JAWAPAN

A: 10

B: 09

C: 10

D: 11

ANALISIS SOALAN

SULIT

BAB	JUMLAH SOALAN
TINGKATAN 4	
1	2
2	2
3	3
4	1
5	2
6	2
7	2
8	2
9	2
10	2
TINGKATAN 5	
1	2
2	2
3	3
4	2
5	2
6	-
7	1
8	4
9	4
JUMLAH KESELURUHAN	40

SKEMA KERTAS 1 SEJARAH (Excel 2) SPM 2009

NO SOALAN	JAWAPAN	BAB / MUKA SURAT	TINGKATAN
1	A	BI/27	T4
2	D	B1/21-22	T4
3	B	B2/63	T4
4	C	B2/55	T4
5	D	B3/75	T4
6	C	B3/93-94	T4
7	C	B3/101	T4
8	A	B4/54	T4
9	A	B5/119-120	T4
10	A	B5/132	T4
11	C	B6/154	T4
12	C	B6/147	T4
13	A	B7/180	T4
14	B	B7/176	T4
15	D	B8/198	T4
16	B	B8/201	T4
17	C	B9/223	T4
18	D	B9/231	T4
19	D	B10/250	T4
20	C	B10/254	T4
21	C	B1/7	T5
22	B	B1/11	T5
23	A	B2/44	T5
24	D	B2/50	T5
25	D	B3/32	T5
26	A	B3/65	T5
27	D	B3/65	T5
28	A	B4/110	T5
29	B	B4/102	T5
30	D	B5/123	T5
31	C	B5/123	T5
32	D	B7/164	T5
33	A	B8/220	T5
34	D	B8/198	T5
35	B	B8/200	T5
36	B	B8/210	T5
37	B	B9/239	T5
38	C	B9/230	T5
39	B	B9/236	T5
40	A	B9/244	T5

TABURAN JAWAPAN

A: 10

B: 09

C: 10

D: 11

NAMA :
KELAS :

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009
EXCEL 2
SEJARAH
Kertas 2
Sept 2009

1249/2

2 Jam 30 Minit

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:

Bahagian A dan Bahagian B.

1. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
2. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
3. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
4. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

BAHAGIAN A*(40 Markah)**Arahan : Jawab semua soalan*

- 1 Agama Hindu menjadi teras dalam pendidikan Zaman Vedik dalam tamadun India.
 - a Apakah perkara yang menjadi fokus utama pendidikan di India?
 - i.....
 - ii.
 - b Namakan universiti yang terdapat di India antara abad pertama hingga abad ke-5 Masihi.
 - i.....
 - c Berikan syarat-syarat untuk mencapai taraf sebagai Brahmin yang berpendidikan.
 - i.....
 - ii.
 - d Nyatakan **dua** ciri pendidikan pada zaman Vedik dalam tamadun India.
 - i.
 - ii.
 - e Pada pendapat anda, apakah kepentingan pendidikan pada zaman Vedik dalam tamadun India?
 - i.
 - ii.
 - iii.


2

- Penggunaan mata wang
- Percukaian
- Sistem timbang dan sukat

Jadual di atas merujuk pengaruh Islam dalam ekonomi di Tanah Melayu sebelum kedatangan Barat.

- a Namakan **dua** negeri yang menjadi pusat perdagangan di Tanah Melayu sebelum kedatangan Barat.
- i.
- ii. [2 markah]
- b Apakah jenis cukai yang diperkenalkan oleh Melaka kepada para pedagang?
- i. [1 markah]
- c Namakan cukai yang dikenakan terhadap orang asing yang menetap di Melaka.
- i. [1 markah]
- d Mengapakah Melaka maju dalam bidang perdagangan?
- i.
- ii.
- iii. [3 markah]
- e Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri seorang pedagang yang berjaya?
- i..
.....
- ii.
- iii. [3 markah]


3 Rajah di bawah menjelaskan tentang ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.



- a Apakah ciri **X** dan **Y**?
- X [2 markah]
 - Y [2 markah]
- b Berikan **tiga** maksud kedaulatan.
-
 -
 - [3 markah]
- c Apakah kepentingan undang-undang dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
-
 - [2 markah]
- d Pada pandangan anda, apakah kepentingan lambang-lambang negara kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
-
 -
 - [3 markah]

[3 markah]

- 4 Rajah di bawah menjelaskan Malaysia sebagai sebuah Negara Persekutuan.



- a Apakah maksud Persekutuan?
- i.
- ii.
- [2 markah]
- b Nyatakan **tiga** perkara yang terkandung dalam bidang kuasa Senarai Bersama.
- i.
- ii.
- iii.
- [3 markah]
- c Namakan badan yang menjalankan kuasa eksekutif di peringkat Kerajaan Persekutuan.
- i.
- [1 markah]
- d Bagaimanakah cara Menteri Besar atau Ketua Menteri dilantik?
- i.
- [1 markah]
- e Mengapakah pemerintah Malaysia memilih untuk membentuk Negara Persekutuan?
- i.
- ii.
- iii.
- [3 markah]

BAHAGIAN B*(60 Markah)**Arahan : Jawab **TIGA** soalan sahaja*

- 5 Nabi Muhammad s.a.w merupakan seorang pedagang yang berjaya dan pemimpin yang bijaksana serta dihormati penduduk Quraisy Makkah.
- Huraikan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w dalam bidang perniagaan.
[6 markah]
 - Jelaskan bukti-bukti yang menunjukkan kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w sebagai tokoh pemimpin yang unggul sebelum dilantik menjadi rasul.
[8 markah]
 - Nyatakan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
[6 markah]
6. Tanah merupakan sumber ekonomi terpenting masyarakat di Tanah Melayu sebelum kedatangan British
- Jelaskan ciri-ciri pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu sebelum kedatangan British.
[4 markah]
 - Huraikan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British.
[10 markah]
 - Bagaimakah cara British mengurangkan penglibatan pekebun kecil Melayu dalam sektor perladangan getah?
[6 markah]
7. Perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dipengaruhi oleh faktor dalam negara dan faktor luar negara.
- Terangkan faktor-faktor luar negara yang mempengaruhi kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu.
[8 markah]
 - Bagaimakah akhbar, majalah dan novel membantu menggerakkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu?

[6 markah]

- c. Huraikan tentang gerakan nasionalisme di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun.
[6 markah]
8. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengkaji dasar pendidikan di negara kita.
- Terangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Penyata Razak.
[6 markah]
 - Jelaskan syor-syor yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib.
[8 markah]
 - Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan kesan pelaksanaan kajian Jawatankuasa Kabinet 1974.
[6 markah]
9. a. Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama.
[10 markah]
- Nyatakan faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama.
[4 markah]
 - Jelaskan kesan-kesan Perang Dunia Pertama.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Skema Pemarkahan Kertas 2 Excel Sejarah SPM 2009**Soalan struktur (Bahagian A)**

Soalan	Butiran	Markah
1 a	<p>MS 54</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berteraskan agama Hindu dan Buddha - Menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati. - Segala hukum agama mesti dipelajari untuk hidup sempurna. - Tumpukan pendidikan keagamaan. <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 isi x 1 m</p>	1 1 1 1
1 b	<p>MS 54</p> <ul style="list-style-type: none"> - Universiti Taxila - Universiti Nalanda <p style="text-align: right;">Mana-mana 1 isi x 1 m</p>	1 1
1 c	<p>MS 54</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghafal pelbagai buku agama khususnya Veda. - Menghafal peraturan keagamaan - Mentera - Lagu-lagu agama - Mempelajari karya saintifik dan falsafah <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 isi x 1 m</p>	1 1 1 1 1
1 d	<p>MS 54</p> <ul style="list-style-type: none"> - Didominasikan oleh kaum lelaki - Golongan wanita tidak diberi peluang menerima pendidikan - Memberi perhatian kepada pembelajaran kitab-kitab Veda - Penggunaan bahasa Sanskrit sebagai medium pengajaran penting - Menggunakan kaedah hafalan <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 isi x 1 m</p>	1 1 1 1 1
1 e	<p>MS 54-55</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menambahkan ilmu - Mengatasi buta huruf - Mendapatkan jawatan dalam pemerintahan - Menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati - Hidup sempurna dengan nilai-nilai murni - Mencapai taraf sebagai Brahmin - Meningkatkan ilmu sains. <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah) Mana-mana 3 isi x 1 m</p>	1 1 1 1 1 1 1

SULIT

Soalan	Butiran	Markah
2a	MS 210 - Johor - Kedah - Kelantan - Terengganu Mana-mana 2 isi x 1 m	1 1 1 1 [2 M]
2 b	MS 211 - Cukai barang dagangan - Cukai tetap (cukai Import) - Cukai enam peratus / cukai lima peratus Mana-mana 1 isi x 1 m	1 1 1 [1 M]
2 c	MS 211 - Cukai diraja sebanyak 3 peratus (dari Kepulauan Melayu) Mana-mana 1 isi x 1 m	1 [1 M]
2 d	MS 209 - Kedudukan yang strategik - Kehadiran pedagang asing di Melaka - Menyediakan kemudahan pentadbiran yang licin dan teratur - Mewujudkan jawatan Laksamana bagi menjaga urusan kelautan - Mewujudkan jawatan Syahbandar sebagai ketua pelabuhan - Terdapat Undang-Undang Laut Melaka - Memperkenalkan sistem timbang dan sukat - Memperkenalkan kaedah pertukaran barang dan kaedah jual beli dalam urusan perdagangan Mana-mana 3 isi x 1 m	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3 M]
2e	- Jujur - Kreatif - Gigih - Tidak menindas - Bertolak ansur - Berilmu - Amanah - Mempunyai modal (Mana-mana jawapan yang munasabah) Mana-mana 3 isi x 1 m	1 1 1 1 1 1 1 1 [3M]

SULIT

Soalan	Butiran	Markah
3 a	MS 75 - Rakyat - Wilayah Pengaruh Mana-mana 2 isi x 1 m	1 1 [2 M]
3 b	MS 76 - Kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah - Kekuasaan tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak - Kekuasaan dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah - Negara atau pemerintah boleh menggubal undang-undang - Negara atau pemerintah menguatkuasakan undang-undang - memastikan negara bebas daripada campurtangan/paksaan/ taklukan/penjajahan kuasa asing - Raja yang memerintah mewakili negeri / kawasan pemerintah Mana-mana 3 isi x 1 m	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3 M]
3 c	MS 76 - Mengawal masyarakat melalui peraturan yang diwartakan - Memelihara keamanan - Melindungi rakyat - Menentukan struktur kerajaan/kehakiman/bahasa/agama/ Kerakyatan diterima oleh masyarakat Mana-mana 2 isi x 1 m	1 1 1 1 [2 M]
3 d	MS 76 - Menjadi identiti sesebuah negara - Penyatuan negara dan bangsa - Warisan Kesultanan Melayu Melaka - Melambangkan kebesaran sultan - Lambang kebesaran/kedaulatan Kesultanan Melayu - (Mana-mana jawapan yang munasabah) Mana-mana 3 isi x 1 m	1 1 1 1 1 [3 M]

SULIT

Soalan	Butiran	Markah
4 a	MS 184-185 <ul style="list-style-type: none"> - Penyatuan beberapa buah negeri - Mempunyai sebuah kerajaan pusat dan beberapa buah negeri - Menyatupadukan wilayah yang berasingan - Kedua-dua kerajaan menjalankan tugas berdasarkan kuasa yang diperuntukan oleh perlembagaan <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 isi x 1 m</p>	1 1 1 1
4 b	MS 185 <ul style="list-style-type: none"> - Kebajikan sosial - Biasiswa - Taman Negara - Perancangan Bandar dan wilayah - Penjagaan haiwan - Kesihatan dan kebersihan awam - Parit dan tali air - Pemulihan - Hiburan awam - Perhubungan <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 isi x 1 m</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
4 c	MS 186 <ul style="list-style-type: none"> - Kabinet - Jemaah Menteri <p style="text-align: right;">Mana-mana 1 isi x 1 m</p>	1 1
4 d	MS 187 <ul style="list-style-type: none"> - Dilantik oleh Raja atau Yang Dipertuan Negeri - Dilantik daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) - Mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan <p style="text-align: right;">Mana-mana 1 isi x 1 m</p>	1 1 1
4 e	MS 185 <ul style="list-style-type: none"> - Menyatukan wilayah yang berasingan - Membentuk kerajaan yang stabil - Mengurangkan perbalahan etnik - Mewujudkan kecekapan pentadbiran - Mengukuhkan pertahanan - Memajukan ekonomi - Keluasan negara bertambah - Bilangan penduduk bertambah 	1 1 1 1 1 1 1 1

SULIT

	<ul style="list-style-type: none">- Melemahkan pengaruh komunis- Meluaskan pasaran dalam negara- Menambahkan sumber tenaga manusia- Memperkayakan budaya <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p>	1 1 1 1
	Mana-mana 3 isi x 1 m	[3 M]

Skema Soalan Esei (Bahagian B)

SULIT

H2b	anak / membersihkan rumah	1
H2c	Anak-anak diberi pendidikan agama secukupnya	1
H2d	Menjadikan diri baginda teladan kepada anak-anak	1
	Mengamalkan cara hidup yang sederhana	1
F3	Sentiasa merendah diri	1
H3a	Pergaulan dengan semua lapisan masyarakat sama ada kaya atau miskin	1
	Penyayang terhadap orang tua dan kanak-kanak	1
H3b	Menunjukkan sifat pemaaf semasa pembukaan semula kota Makkah	1
H3c	Contoh orang Arab Quraisy yang menyerah diri telah diampunkan dan dibebaskan	1
C3a	Bijaksana dalam menyelesaikan masaalah	1
H3d	Semasa memeterai Perjanjian Hudaibiyah 628 M dengan orang Arab Quraisy Makkah	1
H3e		1
F4	Sentiasa memikirkan tentang kehidupan masyarakat di sekelilingnya	
H4a	Mencari cara untuk mengubah kehidupan masyarakat disekelilingnya	1
C4a	Contoh tidak bermoral / taksub dengan amalan jahiliah	1
H4b	Mengasingkan diri daripada masyarakatnya dengan cara bertahannuth di Gua Hirak.	1
		1
	Mana-mana 8 isi x 1 m	[Mak.8 M]
5 (c)	Jelaskan peristiwa yang membawa kepada kerasulan Nabi Muhammad s.a.w (MS 107-108)	
F1	Menerima wahyu pertama melalui malaikat Jibrail pada 6 Ogos 610M atau 17 Ramadhan	1
F2	Wahyu pertama yang diturunkan ialah surah Al-Alaq ayat 1-5	1
F3	Memerintahkan manususia membaca	1
F4	Titik-tolak perkembangan tamadun masyarakat Arab Jahiliah dan umat Islam	1
F5	Melalui pembacaan, seseorang itu akan mendapat dan menambah ilmu	1
F6	Islam menggalakkan kajian yерhadap sesuatu perkara	1
F7	Dengan pembacaan dan membuat kajian sesuatu bangsa itu akan berilmu	1
F8	Dengan ilmu bangsa akan mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang	1
F9	Ilmu dapat meningkatkan tamadun	1
F10	Dalam Islam ilmu ilmu yang dituntut mestilah dapat membina masyarakat	1
F11	Wahyu kedua surah Al-Muddasir ayat 1-7	1
F12	Perisytiharan baginda sebagai rasul atau pesuruh Allah	1
F13	Baginda diwajibkan menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia	1
	Mana-mana 6 isi x 1 m	[Mak.6 M]

SULIT

Soalan	Butiran	Markah
6 (a)	<p>Jelaskan ciri-ciri pemilikan dan penggunaan tanah sebelum kedatangan British (MS 259)</p> <p>F1 Kadar cukai ditentukan oleh pembesar F2 Aktiviti ekonomi yang hendak diusahakan mendapat mesti kebenaran para pembesar F3 Tidak mempunyai rekod/catatan mengenai pemilikan tanah F4 Tidak ada undang-undang/peraturan mengenai pemilikan tanah F5 Berdasarkan undang-undang adat H5a Tanah menjadi milik seseorang yang meneroka H5b Tanah menjadi milik orang yang mengerjakan tanah tersebut H5c Tanah boleh diwarisi oleh generasi seterusnya F6 Tanah merupakan sumber ekonomi/pertanian F7 Menjadi tunggak kuasa politik H7a Mencerminkan kedudukan sosial pembesar Melayu</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 4 isi x 1 m [Mak.4 M]</p>	
6 (b)	<p>Huraikan undang-undang Tanah yang diperkenalkan oleh British (MS 259-260)</p> <p>F1 Merekod/mencatat pemilikan tanah H1a Bagi menjamin/mengesahkan pemilikan tanah H1b Memudahkan urusan pentadbiran C1a Urusan cukai/pajakan/sewa beli/penjualan/pembelian</p> <p>F2 Memperkenalkan undang-undang tanah berkonsepkan sistem Barat H2a Bagi memudahkan kerja pentadbiran tanah/pembangunan ekonomi C1a Perak – Peraturan Tanah Perak 1879/Selangor – Kanun Tanah Selangor 1891/Sungai Ujong – Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887</p> <p>F3 Membahagi tanah mengikut kegunaan/nilai komersial H3a Tanah ladang H3b Tanah peribumi H3c Tanah perlombongan H3d Kadar cukai bergantung kepada jenis tanah yang dimiliki/diusahakan</p> <p>F4 Memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu 25 November 1913, H4a Diluluskan oleh Majlis Persekutuan H4b Untuk menjamin kelangsungan masa depan ekonomi/sosial/politik orang Melayu</p>	

SULIT

H4c	Bertujuan mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing	1
H4d	Residen berkuasa mengisyiharkan tanah milik orang Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM)	1
H4e	Menyelamatkan tanah tersebut daripada dijual/dipajakgadai/ditukar milik kepada orang bukan Melayu	1
H4f	Pihak British sebenarnya melindungi kepentingan ekonomi mereka	1
H4g	Orang Melayu tidak dibenarkan menanam tanaman komersial di kawasan TSM	1
H4h	Kebanyakan kawasan TSM tidak subur	1
H4i	Tidak sesuai digunakan untuk kegiatan ekonomi perladangan	1
H4j	Kawasan yang subur didapati terlalu kecil	1
Mana-mana 10 isi x 1 m		[Mak.10 M]
6 (c)	Bagaimakah British mengekalkan orang Melayu dalam bidang pertanian (MS 261-262)	
F1	Memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917	1
H1a	Melarang penanaman getah di kawasan padi	1
H1b	Untuk mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil getah	1
F2	Premium permohonan tanah baru untuk penanaman getah dinaikkan	1
F3	Pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah dilarang	1
H3a	Penglibatan orang melayu dalam penanaman getah secara kecil-kecilan sahaja	1
F4	Rancangan Sekatan Stevenson 1922 diperkenalkan	1
H4a	Rancangan ini mengehadkan pengeluaran getah	1
H4b	Untuk melindungi pemodal dan pengusaha Eropah	1
F5	Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa dilaksanakan	1
H5a	Pekebun kecil / orang melayu diberi kuota yang rendah	1
F6	British menuahkan Jabatan Parit dan Tali Air	1
H6a	Untuk membaiki sistem perparitan dan tali air	1
H6b	Membantu kegiatan penanaman padi	1
F7	British juga menggalakkan pelaburan Eropah	1
H7a	British meminggirkan golongan pekebun kecil / orang melayu	1
F8	Insentif kewangan / bantuan teknikal tidak diberikan kepada pekebun kecil / orang melayu	1
H8a	British meminggirkan pekebun kecil / orang melayu daripada aliran ekonomi	1
Mana-mana 6 isi x 1 m		[Mak.6 M]

SULIT

SULIT

	F4 H4a H4b H4c C4a	Novel menyeru semangat nasionalisme yang tinggi dalam kalangan generasi muda Mengesa rakyat menentang penjajah dalam apa bentuk sekalipun Menuntut rakyat membela maruah bangsa Wanita digalak memajukan diri/bangsa Keris Melaka/Putera Gunung Tahan/Anak Mat Lela Gila/Melor K.Lumpur	1 1 1 1 1
		Mana-mana 6 isi X 1 m	[Mak.6M]
7 (c)	Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun (MS 57-59)		
F1 H1a H1b	Dasar pemerintahan ketenteraan Jepun hanya memberikan kebebasan kepada pihak yang menyokongnya Barisan Pemuda dilatih berkawad sebagai tentera sukarelawan Jepun		1 1 1
F2 H2a H2b H2c H2d	Penubuhan gerakan bawah tanah menentang Jepun telah berlaku PKM menubuhkan MPAJA untuk menentang Jepun MPAJA disokong oleh British dengan diberi bantuan senjata Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun Pasukan Bintang Tiga juga ditubuhkan		1 1 1 1 1
F3 H2a H2b H2c H2d	Penubuhan Force 136 dan Pasukan Wataniah Bekerjasama dengan British dengan bergerak secara gerila Pasukan Wataniah merupakan pasukan sukarela menentang Jepun Anggotanya terdiri daripada guru / pegawai tadbir / orang kampung Di akhir pendudukan Jepun, KMM meminta Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu bersama-sama Indonesia		1 1 1 1 1
F3 H3a H3b H3c H3d H3e	KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semananjung) ditubuhkan Membincangkan persediaan kemerdekaan dengan Indonesia menubuhkan Melayu Raya atau Indonesia Raya Mengalami kegagalan kerana kekalahan Jepun secara mendadak Kekalahan Jepun menyebabkan usaha kemerdekaan bersama gagal British menguasai Tanah Melayu semula pada September 1945		1 1 1 1 1 1
	Mana-mana 6 isi X 1 m	[Mak.6M]	

SULIT

Soalan	Butiran	Markah
8 (a)	<p>Terangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Penyata Razak. (MS 213)</p> <p>F1 Sistem persekolahan yang sama untuk semua penduduk F2 Penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan F3 Penubuhan Sekolah Umum(rendah) H3a Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar F4 Penubuhan sekolah jenis umum(rendah) H4a Menggunakan Bahasa Inggeris/Cina/Tamil sebagai bahasa pengantar F5 Sekolah Menengah Melayu menggunakan Bahasa Melayu bahasa pengantar F6 Sekolah Menengah Iggeris menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar F7 Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris wajib diajar di semua sekolah</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 6 isi x 1m</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak.6M]
8 (b)	<p>Jelaskan syor-syor yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib. (MS 213-214)</p> <p>F1 Sekolah Umum dijadikan sekolah kebangsaan F2 Sekolah Jenis Umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan F3 Pelajaran diberikan percuma kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan H3a Tanpa mengira keturunan dan agama F4 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan F5 Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditukar kepada bahasa Melayu F6 Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar disemua sekolah menengah F7 Pelajaran agama Islam diajar disemua sekolah bantuan penuh kerajaan yang mempunyai tidak kurang 15 pelajar Islam H7a Bahasa Cina/bahasa Tamil diajar di sekolah kebangsaan F8 sekiranya terdapat 15 orang pelajar H8a Semua peperiksaan awam diadakan dalam bahasa kebangsaan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 8 isi x 1m</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak.8M]

SULIT

<p>8 (c) Kesan pelaksanaan kajian Jawatankuasa Kabinet 1974 (MS 214-215)</p> <p>F1 Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) 1982 1 F2 Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1988 1 F3 Kurikulum baharu menekankan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) 1</p> <p>F4 Kewujudan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. 1 F5 FPK menjelaskan hala tuju sistem pendidikan di negara kita. 1 F6 Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu 1 H6a Secara menyeluruh dan bersepadu. 1 F7 Melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani 1 H7a Berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan 1 F8 Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan 1 H8a Berketramilan, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab 1 F9 Berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri 1 H9a Serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara 1 F10 Dasar Pendidikan Kebangsaan penting untuk memupuk perpaduan 1 F11 Memupuk integrasi nasional 1</p> <p>(Mana-mana isi yang munasabah boleh diterima)</p>	Mana-mana 6 isi x 1m [Mak.6M]
--	--

Soalan	Butiran	Markah
9 (a)	<p>Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama. (MS 229-231)</p> <p>F1 Negara-negara kecil telah bersatu (akhir abad ke-19) 1 H1a Membentuk negara bangsa yang lebih besar, contohnya Jerman dan Itali. 1 H1b Jerman dan Itali menyertai kuasa besar Eropah seperti Britain dan Perancis. 1 H1c Mendapatkan tanah jajahan. 1</p> <p>F2 Nasionalisme yang kuat. 1 H2a Menyebabkan kuasa besar sanggup berperang. 1 H2b Bagi membuktikan kekuasaan. 1</p>	

SULIT

	<p>F3 Berlaku persaingan sengit dalam kalangan kuasa-kuasa Eropah. H3a Akibat imperialisme baharu. H3b Bersaing bagi mewujudkan lingkungan pengaruh.</p> <p>F4 Kuasa besar bersaing merebut peluang ekonomi. H4a Mendapatkan bahan mentah. H4b Memasarkan barang siap.</p> <p>F5 Negara Eropah mempunyai dua pakatan (awal abad ke-20) H5a Perikatan Kuasa Tengah (Triple Alliance). H5b Dianggotai negara Jerman, Rusia, Itali, Turki dan Bulgaria. H5c Pakatan Bertiga (Triple Entente). H5d Terdiri daripada Britain, Rusia, Itali dan Jepun. H5e Persaingan antara kedua-dua pakatan mengancam pertimbangan kuasa.</p> <p>F6 Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand dan isteri. H6a Pewarisan takhta Austria-Hungary. H6b Seorang penganas Serbia pada 28 Jun 1914. H6c Faktor pencetus Perang Dunia Pertama.</p>	<p>1 1 1</p> <p>1 1 1</p> <p>1 1 1 1 1 1</p> <p>1 1 1 1 1 1</p>	<p>Mana-mana 10 isi X 1 m [Mak.10M]</p>
9 (b)	<p>Nyatakan faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama. (MS 229-231)</p> <p>F1 Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya F2 Dibunuh oleh penganas Serbia pada 28 Jun 1914 F3 Austria disokong oleh Jerman mengisyiharkan perang terhadap Serbia (28 Julai 1914) F4 Serbia disokong oleh Rusia dan Perancis. F5 Jerman menyerang Perancis melalui negara berkecuali, Belgium. F6 Menyebabkan Britain yang bermusuh dengan Jerman turut berperang. F7 Britain meminta bantuan Amerika Syarikat. F8 Penglibatan Amerika Syarikat berikutan Jerman menyerang Kapal dagang Amerika.</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1</p>	<p>Mana-mana 4 isi X 1m [Mak.4M]</p>

SULIT

9 (c)	Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama. (MS 231)	
F1	Dari segi politik.	1
H1a	Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah.	1
H1b	Persidangan Damai (Jun 1919) memetrai Perjanjian Versailles.	1
H1c	Penubuhan Liga Bangsa (1919).	1
H1d	Mengubah peta Eropah	1
H1e	Pembentukan negara baharu di Eropah seperti Poland	1
F2	Dari segi ekonomi	1
F2a	Negara-negara yang berperang mengalami inflasi	1
H2b	Pengangguran tinggi	1
H2c	Menanggung hutang perang yang tinggi	1
H2d	Disebabkan perbelanjaan perang yang besar	1
H2e	Pakatan Bertiga membelanjakan US \$ 125 billion dan Perikatan Kuasa Tengah US \$ 60 bilion	1
H2f	Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun	1
H2g	Britain kehilangan satu pertiga daripada perdagangan luarnya	1
F3	Kesan sosial	1
H3a	Kematian yang tinggi iaitu 8.5 juta orang	1
Mana-mana 6 isi x 1 m		[Mak.6M]